



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(Accountant General's Department Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 1, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62594 PUTRAJAYA



Tel. : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Web : <http://www.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/3
Jld.6(3)
Tarikh : 02 Julai 2012

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua jabatan Persekutuan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17 KE GRED W22 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan pemangkuan jawatan Pembantu Akauntan Gred W17 ke Gred W22. Syarat-syarat pemangkuan mengikut Skim Perkhidmatan Akauntan Gred W17 ke Gred W22 adalah seperti berikut :-

- 2.1. Telah disahkan dalam jawatan ;
- 2.2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
- 2.3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Pegawai-pegawai yang layak memohon mestilah yang telah dilantik ke jawatan Pembantu Akauntan Gred W17 **sebelum atau pada 31 Disember 2000**. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Aras 7, No. 1 Kompleks Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 W.P. Putrajaya** melalui Ketua Jabatan/ Bahagian/Cawangan masing-masing dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :-

2/...

- 3.1. 1 salinan borang permohonan – **Lampiran A**;
 - 3.2. 1 salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini;
 - 3.3. Kenyataan samada pegawai yang diperakukan itu pernah atau tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan juga bebas daripada siasatan dan tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia – **Lampiran B**;
 - 3.4. Kelulusan Pengisytiharan Harta yang terkini (dalam tempoh 5 tahun sekali);
 - 3.5. Tarikh mengambil cuti tanpa gaji/tidak hadir bertugas sekiranya ada;
 - 3.6. Salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011;
 - 3.7. Borang Perakuan dari Ketua Jabatan – **Lampiran C**;
 - 3.8. 1 salinan Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/Tabung Pendidikan – **Lampiran D**
 - 3.9. 1 salinan Borang Tapisan Keutuhan SPRM – **Lampiran E**;
 - 3.10. Borang Pemilihan Penempatan Pemangku – **Lampiran F**.
4. Oleh yang demikian, pemohon-pemohon yang berminat untuk berkhidmat seperti tempat yang dinyatakan, bolehlah memohon dan menyatakan kesediaan mereka untuk bertukar atau tidak dalam borang permohonan di **Lampiran A**.
5. Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta supaya menyampaikan maklumat-maklumat ini kepada semua Pembantu Akauntan Gred W17. Lembaga Kenaikan Pangkat JANM juga berhak menentukan pemohon-pemohon yang mempunyai markah Laporan Penilaian Prestasi yang cemerlang sahaja layak dipertimbangkan. Permohonan berserta dokumen-dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini **selewat-lewatnya pada 27 JULAI 2012**. Permohonan yang lewat diterima dari tarikh tersebut atau tidak lengkap, tidak akan dipertimbangkan. Permohonan ini juga boleh diperolehi dan dimuat turun (download) dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui : www.anm.gov.my.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai-pegawai berikut :-

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	e-mail Jabatan
1.	Puan Nur Eswani binti Darus	03-88821037	ned@anm.gov.my
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	fariza@anm.gov.my
3.	Cik Amsiah binti Jakariah	03-88821099	amsiah.jakariah@anm.gov.my

7. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan "

Saya yang menurut perintah,



(NUR ESWANI BINTI DARUS)
Bahagian Pembangunan Perakaunan
Dan Pengurusan
b.p. Akauntan Negara
Malaysia

s.k : ANM

TAN (K)

P (BPPP)

TP (SKPSM)